

[Home](#) / [2025](#) / [November](#) /

UiTM Perkukuh Jaringan Akademik Antarabangsa Melalui International Mathematics Expedition (IME) 2025

SINERGI

17/11/2025 / NOR SYAQILAH ARISHA MD YUSOF



Malang, Indonesia, 4 November 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) terus mengorak langkah dalam memperkukuh jaringan akademik antarabangsa apabila seramai tiga pensyarah dan 14 pelajar daripada Fakulti Sains Komputer dan Matematik telah menyertai *International Mathematics Expedition (IME) 2025* yang berlangsung di Universitas Brawijaya (UB), Malang, Indonesia. Program ini bertujuan meningkatkan kolaborasi dalam bidang Matematik dan Sains Komputer serta membuka

ruang kerjasama strategik antara kedua-dua institusi.

Delegasi UiTM memulakan program dengan Kunjungan Hormat ke Pejabat Dekan Universitas Brawijaya pada 22 September 2025, diikuti Majlis Pembukaan Rasmi IME 2025. Majlis ini diserikan dengan ucapan alu-aluan oleh Dekan UB, sesi pertukaran cenderamata, dan fotografi rasmi. Aktiviti *ice-breaking* antara pelajar UiTM dan UB turut diadakan bagi memupuk semangat kerjasama dan persahabatan.



Sepanjang program, peserta berpeluang mengikuti lawatan akademik ke fakulti dan makmal Universitas Brawijaya, memberi pendedahan bermakna terhadap sistem pendidikan dan kemudahan pembelajaran di luar negara. Pada 24 September 2025, delegasi UiTM melaksanakan Modul STEM bertajuk “MathXpedition” di SMA Brawijaya Smart School. Aktiviti ini menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan melalui enam stesen interaktif seperti Teka-Teki Matematik, Mini Sudoku dan Bingo Matematik. Pelajar UB turut terlibat sebagai fasilitator bersama, menjadikan sesi lebih dinamik dan bersemangat.

Program ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar sekolah untuk meneroka Matematik secara menyeronokkan, malah mengasah kemahiran komunikasi dan kepimpinan antarabangsa pelajar UiTM. IME 2025 membuktikan komitmen UiTM dalam memperkukuh jaringan akademik global serta membuka ruang kolaborasi lebih luas dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.



Tags: [FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK \(FSKM\)](#), [uitm shah alam](#), [Universitas Brawijaya](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Program Khidmat Masyarakat UiTM
 Perak Semarakkan Semangat Pendidikan di Sekolah Orang Asli

UiTM Pahang Didik Remaja Madani: Program Bijak Cinta, Sihat Jiwa Perkukuh Kesedaran Kesihatan Seksual

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +603-5544 2051 / 2000

